

18 JUN 1998

Wanita-Usul (Ekonomi)

WANITA UMNO CADANG TUBUH BADAN PENGAWAS EKONOMI

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Pergerakan Wanita Umno hari ini mencadangkan supaya ditubuhkan sebuah badan pengawas bagi memberi amaran awal kepada kerajaan jika dijangka berlaku sesuatu kesan buruk terhadap sistem ekonomi negara.

Badan itu hendaklah terdiri daripada ahli profesional dan ahli ekonomi, kata wakil Perlis, Tengku Norliah Tengku Mahmud semasa mencadangkan usul ekonomi pada perhimpunan pergerakan itu di sini.

Beliau berkata badan seumpama itu perlu memandangkan keadaan dunia sekarang terdedah kepada kejutan-kejutan yang mungkin datang daripada pasaran saham antarabangsa, pasaran wang dan pasaran modal lain yang boleh mendatangkan kesan buruk kepada ekonomi negara.

Usul lapan perkara itu antara lain turut meminta kerajaan menumpukan usaha kepada penarikan masuk dana jangka panjang dan pelaburan langsung yang memberi lebih manfaat kepada ekonomi negara.

Tengku Norliah berkata cadangan itu perlu diberi perhatian sewajarnya memandangkan keluar masuk dan dana jangka pendek yang tidak terkawal boleh mengganggu sistem kewangan dan ekonomi negara.

Menurut beliau, Wanita Umno juga mahu supaya Dasar Pertanian Negara dikaji semula dan kerajaan hendaklah menyediakan insentif dalam sektor pertanian berasaskan makanan.

Katanya kerajaan perlu menyemarakkan lagi usaha pengeluaran makanan dan pemasarannya memandangkan sektor pengeluaran makanan merupakan salah satu pemangkin dalam pertumbuhan ekonomi di samping menjamin bekalan makanan negara sentiasa cukup.

Beliau juga berkata bagi memastikan kejayaan langkah-langkah penyelamat yang diambil oleh kerajaan melalui inisiatif seperti Pengurusan Dana Harta Bhd, pemulihan syarikat hendaklah memberi keutamaan kepada syarikat-syarikat bumiputera yang berkepentingan negara di samping tidak mengabaikan syarikat bumiputera yang kecil dan sederhana.

Usul itu turut mencadangkan supaya daya saing wanita dalam semua bidang ekonomi dan perniagaan khususnya dalam pegangan ekuiti oleh wanita dalam sektor industri di peringkat negeri, nasional dan antarabangsa dipertingkatkan.

Tengku Norliah berkata Pergerakan itu juga menyokong usaha kerajaan mewujudkan Tabung Insdustri Kecil dan Sederhana dan Tabung Usahawan Bumiputera dengan memastikan penglibatan wanita sebanyak 30 peratus dari program berkenaan.

Wakil Wanita dari Melaka Puan Rabiah Ali semasa menyokong usul ekonomi berkata sektor pertanian dan makanan perlu diberikan penekanan yang lebih dan harus diiktiraf sebagai sektor penampan (cushion).

"Kegawatan ekonomi telah membuktikan bahawa tidak lagi murah untuk mengimport makanan," katanya, sambil menambah bahawa mempelbagaikan aktiviti pertanian harus dijadikan agenda pertama dalam usaha membentuk ekonomi negara ini.

Dalam mengulas mengenai krisis ekonomi yang melanda Asia Timur sekarang, beliau menyuarakan kebimbangan Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir bahawa rantau ini akan ditadbirkan oleh orang bukan Asia ekoran kegawatan ekonominya.

Oleh itu, kata Rabiah, pelaburan yang perlu dibuat sebagai satu usaha meredakan masalah ekonomi ini, hendaklah merupakan pelaburan alaf baru di mana negara sendiri akan membentuk dan menyimpan dananya sendiri.

Selain daripada berbelanja dengan hemah, katanya rakyat juga harus ada semangat patriotisme dan tidak terpedaya dengan kadar faedah tinggi negara lain untuk menyimpan wang di negara luar.

Katanya bank-bank, institusi kewangan swasta serta koperasi-koperasi perlu mewujudkan dana masing-masing sementara pelaburan asing mestilah untuk jangka panjang.

Bagi meneruskan agenda bumiputera negara, beliau juga menyeru bank-bank supaya memberi pinjaman mudah kepada usahawan bumiputera yang bermasalah.

Usul itu kemudiannya diluluskan tanpa bahas.

-- BERNAMA

NZ/HS/SHO WAT